

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan mekanisme pemantauan Prosedur Operasi Standard (SOP) industri kilang bagi memastikan kualiti udara dan air terpelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Memastikan kualiti air dan udara sentiasa terpelihara adalah antara tugas serta tanggung-jawab yang paling utama kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Premis dan kawasan industri kilang adalah di kawal oleh KASA melalui Jabatan Alam Sekitar menggunakan Akta Kualiti Alam Sekeliling tahun 1974.
2. Bagi memastikan kualiti udara dan air sentiasa terpelihara, SOP (*Standard Operating Procedure*) seperti berikut di guna-pakai oleh KASA melalui Jabatan Alam Sekitar iaitu;
 - (i) Penguatkuasaan di lapangan yang di laksanakan secara berkala ke premis kilang dan industri, terutamanya bagi memastikan mereka mematuhi Akta Alam Sekeliling 1974, terutamanya kepada Seksyen 22 dan 25 Akta tersebut iaitu kawalan terhadap pelepasan

NO. SOALAN : 15

pencemaran ke udara dan pelepasan *effluent* ke alur air berhampiran (atau sungai).

- (ii) Manakala kilang-kilang dan industri yang di kategorikan sebagai premis yang di tetapkan yang dilesenkan, iaitu kilang-kilang memproses buah kelapa sawit mentah, kilang memproses getah asli mentah dan premis (kilang) yang melakukan pemerolehan kembali buangan terjadual.

Premis-premis dan kilang-kilang industri ini perlu mematuhi syarat pelepasan udara dan air yang telah di tetapkan di dalam syarat lesen mereka yang di dikeluarkan oleh KASA melalui Jabatan Alam Sekitar.

Untuk tujuan ini, terdapat sebanyak 15 peraturan yang berkaitan dengan kawalan kualiti udara dan 3 peraturan berkaitan kawalan pencemaran air manakala terdapat 2 peraturan am yang meliputi buangan terjadual dan aktiviti yang ditetapkan yang memerlukan laporan penilaian kepada alam sekeliling (*Environmental Impact Assessment - EIA*).

- (iii) Aktiviti-aktiviti Kilang dan Industri yang masih di peringkat perancangan (*in planning stage*) perlu menyediakan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (*EIA Report*), terlebih dahulu sebelum projek tersebut dilaksanakan.

Perkara ini tertakluk di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

- (iv) KASA melalui Jabatan Alam Sekitar juga memantau pelepasan pencemaran udara oleh kilang dan industri melalui Sistem Pemantauan Jarak Jauh iaitu *Intergrated Remote Monitoring System (i Remote)* dan *Continuous Emission Monitoring System (CEMS)*.

Kedua-dua Sistem ini menggunakan Teknologi Kawalan Jarak Jauh menerusi Aplikasi Atas Talian atau *On Line*.

Manakala bagi pelepasan *effluen* ke alur air berhampiran dengan kilang atau industri, pihak pemain industri dikehendaki sentiasa mengemas-kini status pelepasan *effluen* tersebut melalui Sistem *On Line Environmental Reporting (OER)*. Manakala bagi kawalan buangan terjadual melalui *Sistem Electronic Schedule Waste Information System – eSWIS*.

- (v) KASA menyarankan pemain industri perlu mematuhi perundangan sedia ada melalui pendekatan Pematuhan Kendiri Terpimpin (*Guided Self Regulation*) agar ini akan meningkatkan komitmen industri ke arah kelestarian alam sekitar.

3. KASA amat memerlukan kerjasama daripada semua lapisan masyarakat bagi memastikan kualiti udara dan air di negara ini sentiasa terpelihara.

4. Orang Awam juga boleh memainkan peranan dengan melaporkan kepada KASA dan Jabatan Alam Sekitar sekiranya ternampak berlakunya sebarang bentuk pencemaran udara atau air di sungai-sungai yang berhampiran dengan rumah atau tempat mereka kerja.

5. Kerjasama ini amat penting agar Orang Awam boleh menjadi Rakan Alam Sekitar kepada KASA membendung pencemaran udara dan air daripada berlaku.

6. Kelestarian Alam Sekitar adalah tanggung-jawab kita bersama.

Sekian. Terima kasih.